



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM WCaRE BERI MANFAAT KEPADA LEBIH 7,500 WANITA JOHOR

SEGAMAT, 6 Mac - Sejumlah lebih 7,500 wanita dari negeri Johor bakal menerima manfaat daripada Program WCaRe (*Women Cancer Reproductive*) anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi tahun 2022.

WCaRe merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN bertujuan memberi kesedaran kepada wanita mengenai kepentingan penjagaan kesihatan reproduktif wanita menerusi pembiayaan percuma bagi saringan awal kanser payudara (ujian mamogram) dan saringan kanser serviks (ujian HPV DNA).

Menurut YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa ucapan perasmian Program Tautan Kasih Sihat Ceria LPPKN @KPWKM, Kementerian mengambil langkah proaktif ini sebagai inisiatif dalam membantu kesejahteraan wanita seterusnya Keluarga Malaysia.

“Bagi negeri Johor sahaja, seramai 3,520 orang wanita akan menerima manfaat bagi ujian mamogram manakala seramai 3,960 orang wanita pula bagi ujian HPV DNA. Kementerian saya juga akan terus komited untuk

memastikan usaha ini berterusan dan tidak akan terhenti pada angka sasaran tersebut”, tambah YB Datuk Seri Rina lagi.

Dalam program tersebut, YB Datuk Seri Rina telah menyampaikan Kit Dana KASIH kepada 10 keluarga yang baru menimang cahaya mata. Kit Dana KASIH tersebut mengandungi barangan keperluan ibu berpantang dan barangan bayi daripada MamaCare.

Selain itu, YB Datuk Seri Rina juga telah menyampaikan Surat Kelulusan Bantuan Baharu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Bantuan Kewangan Keusahawanan dibawah inisiatif PEMERKASA kepada empat buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) JKM di negeri Johor. **Untuk fasa pertama ini, empat buah PAWE telah mendapat bantuan peruntukan sebanyak RM60,015.**

Turut hadir pada majlis ini ialah Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWK, Encik Adzhar bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LPPKN, YBhg. Dr. Salmi Jalina Jalil, Pengarah LPPKN Negeri Johor dan Encik Mohamad bin Hapil, Pengarah JKM Negeri Johor.

###

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

6 Mac 2022